

## KEMPEN PB GOLDEN FORTUNE 2021

### TERMA DAN SYARAT

Kempen PB Golden Fortune 2021 (“Kempen ini”) dilancarkan oleh Public Bank Berhad No. Pendaftaran 196501000672 [6463-H] (“PBB”). Terma dan Syarat yang berikut mengawal Kempen ini.

#### 1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Januari 2021 hingga 31 Mac 2021**, termasuk kedua-dua tarikh atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh PBB (“Tempoh Kempen”).
- 1.2 Kempen ini dijalankan di semua cawangan PBB di Malaysia.

#### 2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan PBB individu baharu dan sedia ada berumur 18 tahun dan ke atas (“Peserta yang Layak”). Umur ditentukan pada tarikh penyertaan. Bagi akaun yang dibuka bagi pihak Orang Di Bawah Umur oleh ibu atau bapa/penjaga, Peserta yang Layak adalah ibu atau bapa/penjaga akaun tersebut seperti yang dinyatakan dalam rekod PBB.
- 2.2 Pelanggan yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
  - a) kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, subsidiarinya dan/atau syarikat yang berkaitan dan ahli keluarga terdekat termasuk isteri atau suami, anak-anak dan ibu bapa;
  - b) pelanggan bukan individu (iaitu akaun keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan);
  - c) orang yang tidak siuman;
  - d) orang yang telah diputuskan sebagai bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa juga bentuk terhadap mereka; dan
  - e) orang yang akaunnya yang dipegang dengan PBB culas atau tidak disenggarakan dengan memuaskan seperti yang ditentukan oleh PBB.

#### 3. Ciri-ciri Kempen

- 3.1 Semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak layak untuk mendapat satu (1) hadiah (“Hadiah”) apabila mereka memenuhi kriteria yang berikut:-
  - a) berjaya melabur/membeli mana-mana Produk yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan amaun pelaburan minimum seperti yang dinyatakan dalam Rajah A; dan

- b) mendeposit dana baharu minimum sebanyak RM4,000 dalam Akaun Semasa/Simpanan (CASA) yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dan amaun tersebut berjaya diuntukkan oleh PBB untuk tempoh empat (4) bulan.

**Rajah A**

<b>Jenis Hadiah</b>	<b>Amaun Pelaburan Unit Amanah/Premium Tunggal/Caruman Tunggal</b>	<b>Dana Baharu Minimum dalam CASA yang Layak</b>
Lembu Jantan Bersadur Emas 24K yang Mengagumkan	RM48,000	RM4,000 (Amaun ini akan diuntukkan untuk tempoh selama 4 bulan)
Pusingan Ikan Bersadur Emas 24K yang melambangkan Kekayaan	RM38,000	

- 3.2 Produk yang Layak merujuk mana-mana produk unit amanah atau bankasurans yang berikut:-
- Dana Unit Amanah (UA) Siri PB, semua dana ekuiti/berimbang/aset bercampur
  - PB Smart Link (PBSL) [Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan Premium Tunggal]
  - PB Smart Elite (PBSE) [Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan Premium Tunggal]
  - PB Excellink-i (PBE-i) (Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan Caruman Tunggal yang patuh Syariah)

Dana Skim Persaraan Swasta (PRS) tidak dianggap sebagai Produk yang Layak di bawah Kempenn ini.

- 3.3 CASA yang Layak\* merujuk apa-apa akaun semasa/simpanan yang berikut yang dipegang dengan PBB:-
- Akaun Simpanan PLUS
  - Akaun Simpanan Basic
  - Akaun Simpanan 50 PLUS
  - Akaun Simpanan Basic 55
  - Akaun PB SaveLink
  - Akaun Simpanan PB MySalary
  - Akaun Simpanan PB UnionPay
  - Akaun Semasa PLUS
  - Akaun Semasa Basic
  - Akaun ACE
  - Akaun Premier ACE
  - Akaun PB CurrentLink
  - Akaun Semasa Basic 55

\*Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

- 3.4 Apa-apa akaun semasa / simpanan yang tidak disenaraikan di atas dianggap sebagai CASA yang tidak layak dan CASA sedemikian tidak dianggap sebagai CASA yang Layak bagi tujuan Kempen ini walaupun CASA itu telah ditukarkan dalam apa-apa jenis CASA yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Perkara 3.3 semasa Tempoh Kempen.

Ilustrasi

Pelanggan A mempunyai Akaun Simpanan WISE dengan PBB sebelum Tempoh Kempen. Semasa Tempoh Kempen, Akaun Simpanan WISE Pelanggan A telah ditukarkan menjadi Akaun Simpanan PLUS. Akaun Simpanan PLUS Pelanggan A itu tidak dianggap sebagai CASA yang Layak bagi tujuan Kempen ini.

Syarat-syarat Khusus bagi Produk yang Layak

- 3.5 Peserta yang Layak dibenarkan untuk menggabungkan/mengumpulkan pelaburan/membeli Produk yang Layak dengan cara yang berikut:
- a) Menggabungkan/mengumpulkan pelaburan unit amanah dalam beberapa dana tetapi ini terhad pada dana unit amanah (UA) Siri PB, dana ekuiti / berimbang / aset bercampur dan semua mesti dilaburkan pada hari yang sama; atau
  - b) Menggabungkan/mengumpulkan pembelian polisi premium tunggal / caruman tunggal PBSL / PBSE / PBE-i mereka dan semuanya mesti dibeli pada hari yang sama.

Bagi mengelakkan keraguan, Peserta yang Layak tidak dibenarkan untuk menggabungkan pelaburan unit amanah dengan pembelian produk bankasurans bagi tujuan Kempen ini.

- 3.6 Peserta yang Layak dianggap tidak mematuhi kriteria yang dinyatakan dalam Perkara 3.1 (a) di atas sekiranya:-
- a) bagi unit amanah, sekiranya dibatalkan semasa “tempoh bertenang”; atau
  - b) bagi bankasurans, sekiranya dibatalkan semasa “tempoh percubaan”.
- 3.7 “Tempoh bertenang” merujuk tempoh enam (6) hari perniagaan bermula dari tarikh penerimaan borang permohonan pelaburan oleh dan pembayaran kepada Public Mutual Berhad (PMB). Tempoh percubaan seperti itu hanya diterima pakai bagi Peserta yang Layak yang melabur dalam dana unit amanah dengan PMB untuk kali pertama.
- 3.8 “Tempoh percubaan” merujuk tempoh lima belas (15) hari bermula dari tarikh penerimaan dokumen atau sijil polisi, berkaitan dengan produk bankasurans, sama ada dalam salinan kertas atau e-Polisi atau e-sijil oleh Peserta yang Layak.

- 3.9 Apa-apa pelaburan dalam unit amanah menggunakan dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dikecualikan daripada Kempen ini.
- 3.10 Semua Dana e-Siri Public dan urus niaga dalam talian untuk unit amanah dikecualikan daripada Kempen ini.
- 3.11 Pelaburan/Pembelian apa-apa Produk yang Layak tidak boleh digunakan bagi apa-apa kempen atau promosi.
- 3.12 Pelaburan/Pembelian Produk yang Layak tertakluk pada terma dan syarat yang berkenaan yang akan dikeluarkan oleh Public Mutual Berhad, AIA Berhad atau AIA PUBLIC Takaful Berhad, mengikut keadaannya.

#### Syarat-syarat Khusus bagi CASA yang Layak

- 3.13 Amaun yang hendak diuntukkan dalam CASA yang Layak mestilah dana baharu. “Dana baharu” merujuk apa-apa wang atau dana yang bukannya daripada dana sedia ada dalam akaun deposit Peserta yang Layak sama ada secara persendirian atau bersama dengan seorang lain dan disenggara dengan PBB atau Public Islamic Bank Berhad. Peserta yang Layak mesti memberi arahan bertulis dengan melaksanakan “Kempen PB Golden Fortune 2021 - Surat Untukan (LEI)” dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh wang atau dana dipindahkan atau dikreditkan dalam CASA yang Layak milik Peserta yang Layak.  
Pelaksanaan Surat Untukan ini akan dianggap sebagai arahan yang sah dan mengikat kepada PBB untuk menguntukkan CASA yang Layak bagi tujuan Kempen ini.
- 3.14 Dana baharu dalam CASA yang Layak bebas daripada bebanan dan tidak tertakluk pada apa-apa lien, caj atau serah hak.
- 3.15 Dana baharu dalam CASA yang Layak tidak akan diuntukkan oleh PBB/PIBB atau digunakan bagi apa-apa kempen atau promosi.
- 3.16 Apa-apa CASA yang Layak yang dipautkan kepada kemudahan kredit/pinjaman/ pembiayaan dikecualikan daripada Kempen ini.

#### Terma Lain

- 3.17 Peserta yang Layak yang melabur/membeli Produk yang Layak ini mestilah salah seorang pemegang akaun CASA yang Layak.
- 3.18 Peserta yang Layak perlu memenuhi semua kriteria yang dinyatakan dalam Perkara 3.1 dalam tempoh lima (5) hari bekerja.

#### **4. Hadiah**

- 4.1 Peserta yang Layak yang berhak untuk mendapat Hadiah akan dihubungi oleh PBB.
- 4.2 Hadiah akan diberi **atas dasar siapa cepat, dia dapat, sementara stok masih ada**. PBB tidak bertanggungjawab untuk menggantikan atau menambah Hadiah apabila stok yang sedia ada habis.
- 4.3 Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar dengan tunai, kredit atau barang, sebahagiannya atau sepenuhnya.
- 4.4 PBB tidak dipertanggungjawabkan bagi apa-apa cukai atau kos sampingan berkaitan dengan Hadiah yang akan dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa atau pihak ketiga kerana Peserta yang Layak layak untuk Hadiah berkenaan.
- 4.5 PBB mempunyai hak untuk menggantikan Hadiah berkenaan dengan hadiah lain yang sama nilainya, seperti yang akan ditentukan oleh PBB.
- 4.6 Apa-apa gambar yang ditunjukkan dalam bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan pemasaran lain (“Bahan Pemasaran”) berkaitan dengan Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi semata-mata. Hadiah tidak termasuk apa-apa aksesori, barang dan peralatan yang ditunjukkan dalam Bahan Pemasaran.

#### **5. Pengambilan Hadiah**

- 5.1 Peserta yang Layak mesti mengambil Hadiah mereka dari cawangan PBB di mana mereka melabur/membeli Produk yang Layak dengan kos dan perbelanjaan ditanggung oleh mereka sendiri.
- 5.2 Peserta yang Layak mesti mengambil Hadiah dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh selepas mereka dimaklumkan oleh PBB mengenai kelayakan mereka terhadap Hadiah berkenaan, jika tidak, PBB akan mengambil balik Hadiah tersebut dan Peserta yang Layak tidak lagi boleh menuntut Hadiah berkenaan.
- 5.3 Apa-apa risiko kehilangan atau kerosakan pada Hadiah akan berpindah kepada Peserta yang Layak selepas Hadiah tersebut disampaikan kepada Peserta Yang Layak. PBB tidak dipertanggungjawabkan bagi/atau bertanggungjawab untuk mengakui atau menggantikan Hadiah yang cacat, hilang, rosak atau dicuri.

#### **6. Terma dan Syarat Am**

- 6.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak dan CASA yang Layak (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan terhadap terma dan syarat ini). Sekiranya terdapat

- ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak dan CASA yang Layak, terma dan syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 6.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan keputusan PBB berhubung apa-apa perkara berkaitan dengan Kempen ini adalah terakhir, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB tidak akan melayan apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada apa-apa Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga.
  - 6.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat mereka berkaitan dengan Produk yang Layak dan CASA yang Layak bagi tujuan Kempen ini.
  - 6.4 PBB tidak akan bertanggungjawab mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa juga bentuk dan bagaimana sekalipun yang timbul atau ditanggung oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini dan/atau Hadiah kecuali disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku yang disengajakan yang berkaitan secara khusus dengan Kempen ini.
  - 6.5 PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah nyata fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkenaan dengan Kempen ini dan/atau Hadiah yang ditawarkan dan/atau disiarkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
  - 6.6 Sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, jaminan atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengedaran kepada yang disiarkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad pada jaminan kualiti, mutu boleh dagang atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Kempen ini dan Hadiah di bawah Kempen ini.
  - 6.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan apa-apa pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan atau berkenaan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diterima pakai.
  - 6.8 PBB berhak untuk meminda, memotong dan/atau mengubah terma dan syarat ini dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kepada Peserta yang Layak dengan memuat naik dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB, meletakkan sisipan penyata dalam akaun penyata atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa.

- 6.9 PBB berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum penamatannya, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan notis awal terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan, lanjutan atau penamatan tidak melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB bagi mana-mana dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak.
- 6.10 Terma dan syarat ini akan dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah Malaysia.
- 6.11 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB yang menyatakan bagaimana PBB menggunakan maklumat mereka melalui [www.pebank.com](http://www.pebank.com) atau mana-mana cawangan PBB.

\*\*\*\*\*  
Halaman Selebihnya pada Muka surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong  
\*\*\*\*\*